



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PENDIDIKAN POLITIK MAHASISWA: TERAS PATRIOTISME DAN KELANGSUNGAN DEMOKRASI NEGARA

SUMBER : BERNAMA - 9 JULAI 2026

Pendidikan Politik Mahasiswa: Teras Patriotisme Dan Kelangsungan Demokrasi Negara



File photo

09/07/2026 09:46 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.



Oleh :
Prof Dr Ismi Arif Ismail



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PENDIDIKAN POLITIK MAHASISWA: TERAS PATRIOTISME DAN KELANGSUNGAN DEMOKRASI NEGARA

SUMBER : BERNAMA - 9 JULAI 2026

Malaysia sedang melalui satu fasa penting dalam sejarah perkembangan demokrasinya. Pelaksanaan UNDI18 dan pendaftaran pemilih secara automatik telah mengubah struktur demografi pengundi negara secara signifikan apabila jutaan golongan muda kini mempunyai hak dan tanggungjawab untuk menentukan masa depan negara melalui proses demokrasi.

Namun, persoalan yang lebih besar perlu diberikan perhatian bukan sekadar berapa ramai anak muda yang layak mengundi, tetapi sejauh mana mereka memahami demokrasi, proses politik, tanggungjawab kewarganegaraan dan peranan mereka sebagai warga yang bertanggungjawab.

Hak mengundi tanpa ilmu dan kefahaman yang mencukupi boleh menyebabkan demokrasi kehilangan maknanya yang sebenar.

Perkara ini menjadi antara fokus utama yang dibincangkan dalam Program Meja Bulat Sosialisasi Politik dan Demokrasi dalam Kalangan Pelajar Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Malaysia yang berlangsung di Institut Pengajian Sains Sosial, (IPSAS), UPM anjuran Akademi Profesor Malaysia dan Pusat Ko Kurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP), Universiti Putra Malaysia.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PENDIDIKAN POLITIK MAHASISWA: TERAS PATRIOTISME DAN KELANGSUNGAN DEMOKRASI NEGARA

SUMBER : BERNAMA - 9 JULAI 2026

Program yang menghimpunkan ahli akademik, pembuat dasar, pemimpin mahasiswa dan pelbagai pihak berkepentingan itu membincangkan secara mendalam tentang cabaran serta hala tuju pendidikan politik dan demokrasi dalam kalangan mahasiswa Malaysia.

Perbincangan tersebut memperlihatkan satu hakikat yang semakin jelas. Malaysia memerlukan satu pendekatan yang lebih sistematik dan bersepadu dalam membangunkan literasi politik dan demokrasi mahasiswa.

Keperluan ini menjadi semakin mendesak apabila landskap politik dan komunikasi masa kini berubah dengan begitu pantas akibat pengaruh teknologi digital dan media sosial.

Demokrasi memerlukan warganegara yang berilmu

Demokrasi yang matang tidak boleh dibina hanya melalui proses pilihan raya. Demokrasi memerlukan rakyat yang memahami hak dan tanggungjawab mereka, menghormati perbezaan pandangan, mampu berfikir secara kritis serta mempunyai komitmen terhadap kesejahteraan bersama.

Dalam konteks ini, pendidikan politik tidak harus dilihat sebagai usaha menggalakkan sokongan kepada mana-mana parti politik tertentu.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PENDIDIKAN POLITIK MAHASISWA: TERAS PATRIOTISME DAN KELANGSUNGAN DEMOKRASI NEGARA

SUMBER : BERNAMA - 9 JULAI 2026

Sebaliknya, pendidikan politik merupakan proses membina kefahaman tentang sistem pemerintahan negara, Perlembagaan Persekutuan, institusi demokrasi, proses penggubalan dasar awam dan mekanisme semak dan imbang yang menjadi asas kepada kestabilan negara.

Mahasiswa yang memahami aspek-aspek ini akan lebih bersedia untuk menjadi pengundi yang bijak, pemimpin yang bertanggungjawab dan anggota masyarakat yang aktif dalam proses pembangunan negara.

Sebaliknya, kekurangan pendidikan politik boleh menyebabkan sebahagian generasi muda membuat keputusan berdasarkan emosi, sentimen sempit atau pengaruh maklumat yang tidak sahih. Fenomena ini semakin ketara dalam era media sosial apabila maklumat disebar tanpa tapisan dan sering kali bercampur antara fakta, persepsi dan propaganda.

Hari ini, TikTok, Instagram, Facebook dan pelbagai platform digital telah menjadi "kelas politik" utama kepada sebahagian besar anak muda. Walaupun platform tersebut membuka ruang kepada penyertaan politik yang lebih luas, ia juga berpotensi menjadi saluran penyebaran maklumat palsu, manipulasi naratif dan polarisasi masyarakat.

Justeru, pendidikan politik pada abad ke-21 tidak lagi boleh bersifat konvensional. Ia perlu merangkumi literasi digital, keupayaan menilai sumber maklumat, kemahiran mengenal pasti berita palsu dan kebolehan membuat keputusan berdasarkan fakta serta bukti yang sahih.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PENDIDIKAN POLITIK MAHASISWA: TERAS PATRIOTISME DAN KELANGSUNGAN DEMOKRASI NEGARA

SUMBER : BERNAMA - 9 JULAI 2026

Mahasiswa sebagai modal insan strategik negara

Institusi pendidikan tinggi mempunyai kedudukan yang unik dalam membentuk generasi pemimpin masa hadapan. Universiti bukan sekadar tempat menyampaikan ilmu pengetahuan, tetapi merupakan medan pembentukan nilai, karakter dan identiti nasional.

Sejarah membuktikan bahawa mahasiswa sering menjadi agen perubahan sosial dan pemangkin kepada reformasi masyarakat. Di banyak negara, gerakan mahasiswa telah memainkan peranan penting dalam memperjuangkan keadilan sosial, integriti, kebebasan dan pembaharuan institusi.

Dalam konteks Malaysia, mahasiswa perlu dilihat sebagai rakan strategik dalam pembangunan negara dan bukannya sekadar kumpulan sasaran dasar. Mereka mempunyai potensi besar untuk menyumbang idea, tenaga dan kepimpinan dalam menangani pelbagai cabaran negara.

Namun, potensi tersebut hanya dapat direalisasikan sekiranya mereka diberikan ruang untuk memahami, menghayati dan mengamalkan nilai-nilai demokrasi secara bertanggungjawab.

Universiti perlu menjadi "makmal demokrasi" yang menyediakan ruang kepada mahasiswa untuk berbahas, berdialog, berorganisasi dan terlibat dalam proses membuat keputusan secara beretika dan berasaskan ilmu.

Pengalaman ini akan membentuk budaya demokrasi yang sihat dan matang sebelum mereka memasuki alam pekerjaan dan masyarakat yang lebih luas.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PENDIDIKAN POLITIK MAHASISWA: TERAS PATRIOTISME DAN KELANGSUNGAN DEMOKRASI NEGARA

SUMBER : BERNAMA - 9 JULAI 2026

Pendidikan politik dan patriotisme tidak boleh dipisahkan

Satu lagi perkara penting yang sering terlepas daripada perbincangan umum ialah hubungan erat antara pendidikan politik dan patriotisme.

Terdapat tanggapan bahawa patriotisme hanya berkaitan dengan semangat cintakan negara yang diterjemahkan melalui simbol-simbol tertentu seperti bendera, lagu kebangsaan atau sambutan hari kebangsaan.

Walaupun elemen-elemen tersebut penting, patriotisme dalam sebuah negara demokrasi mempunyai makna yang jauh lebih mendalam.

Patriotisme sebenar bermaksud kesediaan untuk mempertahankan institusi negara, menghormati Perlembagaan, menjunjung kedaulatan undang-undang serta menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan negara.

Seseorang yang memahami sejarah pembentukan Malaysia, perjuangan kemerdekaan, kontrak sosial, prinsip Rukun Negara dan sistem demokrasi negara akan lebih menghargai nilai kestabilan, keamanan dan keharmonian yang dinikmati hari ini.

Mereka juga akan lebih cenderung untuk menolak ekstremisme, politik kebencian, rasuah dan sebarang tindakan yang boleh menggugat perpaduan nasional.

Dalam erti kata lain, pendidikan politik yang berkualiti sebenarnya merupakan instrumen penting dalam membina patriotisme yang berteraskan ilmu, kesedaran dan tanggungjawab.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PENDIDIKAN POLITIK MAHASISWA: TERAS PATRIOTISME DAN KELANGSUNGAN DEMOKRASI NEGARA

SUMBER : BERNAMA - 9 JULAI 2026

Membina masyarakat MADANI yang bertanggungjawab

Agenda Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh kerajaan turut menekankan kepentingan pembangunan masyarakat yang berpengetahuan, berintegriti dan bertanggungjawab.

Matlamat ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa kewujudan masyarakat madani atau *civil society* yang aktif dan berfungsi dengan baik.

Masyarakat MADANI merujuk kepada kumpulan rakyat yang mampu berfikir secara bebas, menyumbang kepada pembangunan komuniti, terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan serta berperanan sebagai rakan strategik kepada kerajaan dalam proses pembangunan negara.

Mahasiswa merupakan tapak semaian utama kepada pembentukan masyarakat madani masa hadapan. Penglibatan mereka dalam program kesukarelawanan, organisasi pelajar, kepimpinan komuniti dan aktiviti pembangunan sosial akan melahirkan generasi yang mempunyai rasa tanggungjawab sosial yang tinggi.

Lebih penting, mereka akan memahami bahawa demokrasi bukan sekadar hak untuk bersuara tetapi juga tanggungjawab untuk menyumbang kepada penyelesaian masalah masyarakat.

Inilah ciri-ciri warga demokratik yang diperlukan oleh Malaysia pada masa hadapan.



TEMA : POLITEKNIK MERLIMAU MELAKA

Perkara : INFO SEMASA PMM

TAJUK ARTIKEL : PENDIDIKAN POLITIK MAHASISWA: TERAS PATRIOTISME DAN KELANGSUNGAN DEMOKRASI NEGARA

SUMBER : BERNAMA - 9 JULAI 2026

Ke arah model sosialisasi politik dan demokrasi mahasiswa nasional

Salah satu cadangan penting yang muncul daripada meja bulat tersebut ialah pembangunan Model Sosialisasi Politik dan Demokrasi Mahasiswa IPT Malaysia sebagai kerangka rujukan nasional.

Cadangan ini amat signifikan kerana sehingga kini belum wujud satu model komprehensif yang dapat dijadikan panduan bersama oleh kementerian, universiti, pertubuhan belia dan organisasi masyarakat sivil dalam memperkukuh pendidikan demokrasi mahasiswa.

Model tersebut perlu mengintegrasikan pendidikan kewarganegaraan, literasi politik digital, pembangunan kepimpinan, kesukarelawanan, penglibatan komuniti, pemikiran kritis, patriotisme dan identiti nasional dalam satu kerangka yang tersusun.

Pendekatan ini juga selari dengan aspirasi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026–2035 yang memberi penekanan kepada pembangunan graduan holistik, berdaya tahan, beretika, mempunyai jati diri kebangsaan yang kukuh serta mampu menjadi pemimpin masa hadapan negara.

Dalam era ketidaktentuan global, konflik geopolitik, revolusi teknologi dan cabaran sosial yang semakin kompleks, negara memerlukan generasi muda yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik tetapi juga mempunyai kecerdasan sivik, kematangan politik dan semangat patriotisme yang tinggi.

Masa depan demokrasi bermula di kampus

Akhirnya, masa depan demokrasi Malaysia tidak ditentukan semata-mata di peti undi. Masa depan demokrasi sebenarnya sedang dibentuk setiap hari di bilik kuliah, dewan mahasiswa, program kesukarelawanan dan ruang-ruang wacana di kampus seluruh negara.

Jika universiti berjaya melahirkan graduan yang celik politik, memahami demokrasi, menghormati kepelbagaian, berfikir kritis dan mempunyai semangat patriotisme yang tinggi, maka Malaysia bukan sahaja akan mempunyai pengundi yang lebih berkualiti, malah bakal memiliki barisan pemimpin dan warga yang mampu memacu negara ke tahap yang lebih gemilang.

Justeru, pendidikan politik dan demokrasi mahasiswa perlu dilihat sebagai satu pelaburan strategik negara. Ia bukan agenda politik kepartian, tetapi agenda pembinaan negara bangsa yang akan menentukan kekuatan demokrasi, perpaduan nasional dan kesejahteraan Malaysia pada masa hadapan.

-- BERNAMA